

Bil. S 33

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA AGENSI PELABURAN BRUNEI (PINDAAN), 2017

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran
 2. Pindaan bab 5 dari Penggal 137
 3. Pindaan bab 7
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA AGENSI PELABURAN BRUNEI (PINDAAN), 2017

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Agensi Pelaburan Brunei (Pindaan), 2017.

Pindaan bab 5 dari Penggal 137

2. Bab 5 dari Akta Agensi Pelaburan Brunei, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda dengan memansuhkan ceraihan (2) dan menggantikannya dengan ceraihan baru yang berikut —

“[2] Lembaga hendaklah terdiri daripada —

(a) seorang Pengerusi, yang akan dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan;

(b) seorang Timbalan Pengerusi, yang akan dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan;

(c) Pengarah Urusan kerana jawatan; dan

(d) sebilangan pengarah lain sebagaimana yang mungkin dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.”.

Pindaan bab 7

3. Bab 7 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam ceraihan (1), dengan memotong “salah seorang dari Pengarah-Pengarah” dan menggantikannya dengan “mana-mana orang”;

(b) dengan memansuhkan ceraihan (5) dan menggantikannya dengan ceraihan baru yang berikut —

“[5] Sekiranya Pengarah Urusan tiada atau tidak berupaya bertindak, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan boleh melantik seorang pengarah, atau seorang pegawai Agensi yang memegang jawatan penolong pengarah urusan atau yang sama dengannya atau ke atas, untuk menunaikan kewajipan-kewajipannya dalam tempoh dia tiada atau tidak berupaya itu;

Dengan syarat bahawa orang yang telah dilantik untuk bertindak memegang jawatan Pengarah Urusan, melainkan jika dia adalah seorang pengarah yang dilantik di bawah bab 5, tidak mempunyai hak mutlak kepada mana-mana keistimewaan yang Pengarah Urusan mungkin berhak.”.

Diperbuat pada hari ini 18 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1438 bersamaan dengan 15 haribulan April, 2017 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM